



# **BUKU PANDUAN MAJLIS KONVOKESYEN KOLEJ UNIVERSITI AGROSAINS MALAYSIA (UCAM)**

**Kali Ke-21, Tahun 2025**



Sila baca dengan teliti buku panduan ini.

Pengurusan Kolej Universiti Agrosains Malaysia (UCAM) berhak untuk meminda isi kandungan tanpa sebarang notis.

**KEMASKINI 1 JULAI 2025  
JABATAN PENDAFTAR  
KOLEJ UNIVERSITI AGROSAINS MALAYSIA**

## PRAKATA

Dengan segala hormatnya, pengurusan Kolej Universiti Agrosains Malaysia (UCAM) ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada semua bakal graduan atas kejayaan menamatkan pengajian. Majlis Konvokesyen merupakan detik penting yang melambangkan kejayaan anda.

Buku panduan ini disediakan bertujuan memberi panduan kepada graduan mengenai perkara yang perlu dilakukan sebelum, semasa dan selepas menghadiri Majlis Konvokesyen. Buku Panduan Graduan ini **WAJIB dibaca dan difahami** oleh setiap bakal graduan bagi mengelakkan kekeliruan dan ketidaksampaian maklumat penting yang perlu diketahui seperti proses pendaftaran graduan, tarikh pengambilan jubah, tuntutan sijil & transkrip akademik, penahanan sijil & transkrip akademik, etika pakaian dan sebagainya.

Bakal graduan turut diingatkan supaya sentiasa melayari laman sesawang Majlis Konvokesyen di aplikasi Telegram untuk mendapatkan maklumat terkini tentang sebarang kemaskini dan pengumuman mengenai Majlis Konvokesyen. Sehubungan itu, pengurusan UCAM berharap agar semua bakal graduan dapat memberikan kerjasama sepenuhnya demi memastikan kelancaran sepanjang majlis berlangsung.

Syabas dan tahniah kepada semua bakal graduan.

### **Pendaftar**

**Kolej Universiti Agrosains Malaysia (UCAM)**

## SENARAI SEMAK

Pastikan semua perkara seperti senarai di bawah telah dimuat turun dari laman web UCAM :

Bil	Perkara / Item	Catatan
1.	Surat jemputan ke Majlis Konvokesyen UCAM ke 21	
2.	Buku Panduan Majlis Konvokesyen UCAM ke 21	
3.	Mengisi BORANG PENGESAHAN PENYERTAAN KONVOKESYEN KE 21	
4.	Melengkapkan Borang Maklumat Alumni	

**Nota :**

**Semua graduan WAJIB melaksanakan no 3. Sila layari laman web konvokesyen di <http://konvokesyen.ucam.edu.my>**

# MAKLUMAT KONVOKESYEN

Tarikh	Aktiviti	Tempat	Masa	Protokol Pakaian
13 Ogos 2025 (Rabu)	Taklimat & Raptai Rasmi Bersama Graduan	Dewan Tuanku Canselor, USIM, Nilai Negeri Sembilan	10:00 pagi	Pakaian Kemas
14 Ogos 2025 (Khamis)	Majlis Konvokeyen UCAM Ke-21		1:30 tengah hari	<b>Sila Rujuk Etika Pakaian</b>

**Nota :**

**Para graduan dinasihatkan agar hadir lebih awal pada hari raptai bagi melancarkan urusan pengambilan jubah. Kaunter pengambilan jubah akan dibuka seawal 8:30 pagi pada hari raptai.**



# **SESI PENGURNIAAN IJAZAH SARJANA MUDA, DIPLOMA, PROGRAM EKSEKUTIF DAN SIJIL KEMAHIRAN MALAYSIA (SKM)**

## **Fakulti Agrosains - FAS**

1. Ijazah Sarjana Muda Sains Pertanian (Kep.) (BAS)
2. Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Landskap (Kep.) (BLM)
3. Diploma Sains Pertanian (DSP)
4. Diploma Pengurusan Ladang (DPM)
5. Diploma Pengeluaran Ternakan (DLP)
6. Diploma Pengurusan Landskap (DPL)
7. Executive Programme in Plantation Management (Advanced) (EPM)

## **Fakulti Pengurusan Perniagaan - FPP**

1. Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan (MBA)
2. Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan (Pengurusan Pertanian) (Kep.) (BBA)
3. Ijazah Sarjana Muda Perakaunan (Kep.) (BACC)
4. Diploma Perniagaantani (DPT)
5. Diploma Pengurusan Perniagaan (DBM)
6. Diploma Perakaunan (DA)
7. Diploma Kewangan Islam (DKI)

## **Fakulti Sains Sosial & Teknologi Maklumat - FSTM**

1. Diploma in English for Communication (DEC)
2. Diploma Pembangunan Luar Bandar (DPLB)
3. Diploma Sains Komputer (Rangkaian) (DSKR)
4. Diploma E-Perniagaan (DEP)

# **SESI PENGURNIAAN IJAZAH SARJANA MUDA, DIPLOMA, PROGRAM EKSEKUTIF DAN SIJIL KEMAHIRAN MALAYSIA (SKM)**

1. Sijil Kemahiran Malaysia – Pembuatan Pastri
2. Sijil Kemahiran Malaysia – Pembuatan Pakaian Wanita
3. Sijil Kemahiran Malaysia – Pembuatan Pakaian Lelaki

# PROSES WAJIB DILAKUKAN SEBELUM MAJLIS KONVOKESYEN

## A. TUNGGAKAN YURAN

1. Pembayaran tunggakan yuran – sila hubungi **Jabatan Kewangan di talian 012-469 6303 (whatapps sahaja)** untuk menyemak status anda.
2. Semua graduan **wajib membayar yuran konvokesyen** termasuk yang tidak hadir bagi melayakkan anda menuntut Skrol dan Transkrip Keputusan Peperiksaan.
3. Pembayaran boleh dilakukan melalui *Cash Deposit Machine* CIMB atau perbankan internet ke akaun berikut :

**Nama Akaun** : **KOLEJ RISDA SDN. BHD.**

**No. Akaun** : **CIMB CAWANGAN ALOR GAJAH**  
**8601159142**

4. Kegagalan graduan untuk membuat mana-mana bayaran tunggakan dan yuran konvokesyen akan menyebabkan proses-proses seterusnya **TIDAK BOLEH DILAKUKAN** iaitu :
  - a. **Mengambil Jubah Konvokesyen**
  - b. **Menghadiri Majlis Konvokesyen dan**
  - c. **Mengambil Skrol dan Transkrip Keputusan Peperiksaan.**

### **Nota Penting :**

**Graduan yang tidak hadir ke majlis konvokesyen juga perlu menjelaskan yuran konvokesyen untuk menuntut skrol dan transkrip keputusan peperiksaan.**

## B. PENGAMBILAN JUBAH KONVOKESYEN

- Graduan **WAJIB** mengambil jubah konvokesyen masing-masing mengikut jadual yang telah diberikan seperti berikut :

<b>Tarikh</b>	<b>Sesi / Masa</b>
<b>13 Ogos 2025</b> <b>(Rabu)</b>	<b>Sesi Pagi</b> 8:30 pagi – 10:00 pagi
	<b>Sesi Petang</b> 12:30 tengah hari – 2:00 tengah hari

- Graduan boleh mewakilkan individu lain untuk mengambil jubah konvokesyen jika tidak dapat hadir pada tarikh dan masa yang ditetapkan. Borang Wakil ada dimuatnaik (*upload*) di portal konvokesyen. Wakil dikehendaki hadir bersama borang tersebut.
- Pengambilan jubah selain daripada jadual di atas, **TIDAK AKAN DILAYAN**.

## C. KAD JEMPUTAN KONVOKESYEN

- Kad jemputan untuk tetamu graduan akan diserahkan semasa sesi pengambilan jubah konvokesyen masing-masing.
- Setiap graduan yang hadir dibenarkan membawa tetamu **mengikut jumlah kad jemputan diterima**. Dua (2) orang tetamu dibenarkan masuk bagi setiap keping kad jemputan.
- Tetamu graduan hendaklah memegang kad jemputan untuk ditunjukkan kepada petugas di pintu masuk dewan. Tetamu graduan yang tidak membawa kad jemputan tidak dibenarkan masuk ke dalam dewan.
- Graduan **diwajibkan** meletakkan **KAD JEMPUTAN** di atas *dashboard* hadapan kenderaan yang dinaiki oleh graduan.

5. Graduan dan pengiring digalakkan untuk **menaiki satu (1) kenderaan sahaja.**
6. Sila patuhi arahan petugas keselamatan dan papan tanda yang disediakan semasa meletakkan kenderaan bagi mengelakkan kesesakan dan halangan kepada kenderaan lain.

## KEHADIRAN GRADUAN

### A. KEHADIRAN PADA HARI RAPTAI

1. Graduan dikehendaki melapor diri pada **13 Ogos 2025 (Rabu) mulai 10.00 pagi** di Dewan Tuanku Canselor, USIM, Nilai Negeri Sembilan dan mengikuti raptai sehingga selesai.
2. **Pihak UCAM boleh menghalang mana-mana graduan yang tidak menghadiri Raptai dan Taklimat Konvokeyen daripada menyertai Majlis Konvokeyen Ke 21.**

### B. KEHADIRAN KEHADIRAN PADA HARI KONVOKESYEN

1. Graduan dikehendaki melapor diri kepada pegawai bertugas mengikut program pengajian masing-masing pada **14 Ogos 2025 mulai 1.30 tengah hari** di tempat yang telah ditetapkan. Graduan digalakkan berada lebih awal dari masa ditetapkan. **Kelewatan melapor diri pada masa yang ditetapkan akan menyebabkan graduan tidak dibenarkan masuk.**
2. Graduan diingatkan supaya berkumpul pada masa dan tempat yang ditetapkan. Graduan akan disusun dan akan dibekalkan dengan kad yang mengandungi butiran graduan dan juga selempang ANC jika berkenaan.
3. Graduan **dilarang** membawa sebarang beg / beg tangan ke dalam dewan dan graduan juga dinasihatkan untuk bersarapan lebih awal sebelum melapor diri.

4. Bagi mengelakkan kesesakan lalu lintas menuju ke dewan, para graduan diminta mematuhi arahan-arahan yang diberikan oleh pegawai yang bertugas.
5. Graduan yang datang lewat iaitu selepas perarakan masuk graduan pada hari konvokesyen, tidak akan dibenarkan menyertai Majlis Konvokesyen.
6. UCAM berhak menahan atau melarang graduan yang tidak melapor diri daripada menyertai Majlis Konvokesyen.
7. Graduan perlu mematuhi semua peraturan dan arahan dari pegawai bertugas sepanjang majlis berlangsung.
8. Graduan dan tetamu tidak dibenar meninggalkan dewan sehingga majlis selesai.

# **TERTIB PENGURNIAAN SKROL IJAZAH SARJANA, IJAZAH SARJANA MUDA, DIPLOMA, PROGRAM EKSEKUTIF DAN SIJIL KEMAHIRAN MALAYSIA (SKM)**

1. Graduan akan diiringi oleh pegawai bertugas naik ke pentas untuk Menerima Ijazah Sarjana, Ijazah Sarjana Muda, Diploma Atau Sijil Eksekutif / Kemahiran Malaysia melalui tangga sebelah kiri pentas mengikut program pengajian masing-masing. Graduan akan berbaris dalam satu barisan mengikut urutan yang ditentukan.
2. Sebelum menaiki tangga ke pentas, graduan perlu menyerahkan kad nama kepada pegawai bertugas dan terus bergerak ke arah tangga dan menunggu arahan seterusnya daripada pegawai bertugas. Naik ke atas pentas selepas diarahkan.
3. Sebaik nama diumumkan, graduan perlu bergerak dan terus berhenti di tanda seterusnya, tunduk mengadap YB. Menteri, bergerak dua langkah ke hadapan dan seterusnya menerima skrol dengan kedua belah tangan dan mengucapkan **“Terima Kasih Dato’ Seri”**.
4. Setelah menerima skrol, graduan perlu tunduk dan bergerak turun dari pentas ke tangga untuk turun dari pentas terus ke tempat duduk semula berpandukan arahan pegawai bertugas.
5. Keterangan lanjut tertib pergerakan ini akan diberikan semasa hari raptai.

## ETIKA PAKAIAN GRADUAN

### **NOTIS ETIKA PEMAKAIAN GRADUAN MAJLIS KONVOKESYEN UCAM**

Majlis Konvokesyen ini merupakan acara rasmi UCAM.

Sehubungan itu, semua graduan **DIWAJIBKAN** mematuhi peraturan pemakaian yang telah ditetapkan seperti dinyatakan di atas.

Pihak UCAM / Urusetia berhak menghalang penyertaan mana-mana graduan dalam majlis ini sekiranya etika pemakaian tidak dipatuhi.

#### **Graduan yang tidak mematuhi peraturan pakaian TIDAK AKAN**

#### **DIBENARKAN :**

- **Masuk ke dewan konvokesyen**
- **Menyertai perarakan masuk**
- **Atau naik ke pentas untuk menerima pengurniaan Ijazah Sarjana Muda, Diploma atau Sijil.**

Sila pastikan anda berpakaian mengikut garis panduan yang telah ditetapkan bagi mengelakkan sebarang kesulitan pada hari majlis.

**A) PANDUAN PAKAIAN GRADUAN SEMASA MENGHADIRI MAJLIS  
KONVOKESYEN**

**Panduan Graduan Lelaki**

1. Rambut pendek dan kemas
2. Kasut kulit berwarna hitam bertumit dan memakai stokin.
3. **Pakaian Graduan Ijazah Sarjana Muda, Diploma dan Program Eksekutif :**
  - a. *Lounge-suit* berwarna hitam.
  - b. Seluar *slack* berwarna hitam.
  - c. Kemeja lengan panjang berwarna putih atau warna cerah
  - d. Bertali leher.
4. **Pakaian Graduan Sijil Kemahiran Malaysia :**
  - a. Baju Melayu cekak musang berwarna hitam.
  - b. Bersampin hitam benang emas.
  - c. Memakai songkok hitam.

**Larangan / Tidak Dibenarkan Bagi Graduan Lelaki :**

1. Rambut panjang dan berwarna.
2. Memakai kasut sukan atau sandal.
3. Memakai Kemeja-T, seluar jeans atau pendek.

**Panduan Graduan Wanita**

1. Graduan wanita yang bertudung digalakkan memakai tudung berwarna cerah.
2. Graduan wanita yang tidak memakai tudung – rambut hendaklah didandan dengan kemas jika panjang.
3. Kasut kulit bertutup penuh berwarna hitam. Tumit kasut tidak melebihi  $2\frac{1}{2}$  inci.

4. Pakaian – sepasang Baju Kurung/Kebaya warna bebas atau blouse warna putih dan skirt labuh, *plain* dan warna hitam.
5. Bagi graduan wanita yang bukan muslim, skirt hendaklah melepas paras lutut, tidak terlalu terdedah dan baju hendaklah yang berlengan panjang

**Larangan / Tidak Dibenarkan Bagi Graduan Wanita :**

1. Rambut berwarna bagi yang tidak berhijab.
2. Kasut Sandal (bertali atau tidak bertali)
3. Pakaian yang tidak ketat dan tidak jarang.
4. Skirt atau seluar pendek

**B) JUBAH KONVOKESYEN**

1. Set jubah graduan adalah seperti berikut :

<b>Bil</b>	<b>Graduan</b>	<b>Set Jubah</b>
i)	<b>Ijazah Sarjana</b> <b>Ijazah Sarjana Muda</b> <b>Diploma</b> <b>Program Eksekutif</b>	Jubah, <i>Hood</i> dan <i>Mortarboard</i> sahaja.
ii)	<b>Sijil Kemahiran Malaysia</b>	Jubah sahaja.

2. Rumbai (*tassel*) pada *mortarboard* hendaklah dibiarkan tergantung di hadapan sebelah kiri graduan.
3. Pastikan pakaian mengikut syarat, lengkap dan kemas. Pakaian yang tidak mengikut syarat akan menyebabkan graduan **TIDAK DIBENARKAN** masuk ke dalam dewan.
4. Graduan **TIDAK DIBENARKAN** mengubahsuai jubah yang disewa.

## TETAMU GRADUAN

### A) TETAMU GRADUAN (IBU BAPA / KELUARGA)

1. Setiap graduan akan diberikan satu (1) keping kad jemputan untuk seorang (1) orang tetamu semasa pengambilan pakaian konvokesyen (tidak termasuk graduan).

2. Seseorang tetamu mestilah berumur tidak kurang dari dua belas (12) tahun.

**TETAMU YANG BERUMUR DI BAWAH 12 TAHUN TIDAK DIBENARKAN MASUK KE DALAM DEWAN.**

3. Pihak UCAM tidak akan bertanggungjawab ke atas kehilangan kad masuk yang telah diedarkan dan kad yang hilang tidak akan diganti.

4. Tetamu graduan adalah diminta supaya mengambil tempat duduk masing-masing **14 Ogos 2025 mulai jam 1.30 tengah hari**.

5. Tetamu graduan perlu menunjukkan kad jemputan kepada pegawai bertugas di pintu masuk. **KEGAGALAN** berbuat demikian menyebabkan tetamu **TIDAK DIBENARKAN** masuk ke dalam dewan.

6. Tetamu graduan perlu mematuhi arahan-arahan daripada pegawai yang bertugas bagi memastikan kelancaran pergerakan ke dalam dewan dan semasa mengambil tempat duduk.

7. **Jambangan bunga TIDAK DIBENARKAN di bawa masuk ke dalam dewan.**

8. Tetamu graduan dilarang meninggalkan majlis sehingga majlis selesai.

**B) PANDUAN BERPAKAIAN BAGI TETAMU GRADUAN****Tetamu Lelaki**

1. 'Louge Suit' / baju batik / kemeja yang berlengan panjang / berbaju kebangsaan (**seluar jeans dan kemeja-T DILARANG**).
2. Kasut bertutup (**sandal / selipar DILARANG**)

**Tetamu Wanita**

1. Rasmi / Kebangsaan / Bersesuaian (**pakaian gaun atau skirt hendaklah melebihi paras lutut, 'blouse' tanpa lengan, kemeja-T, jeans dan seluar adalah DILARANG**).
2. Kasut bertutup (**sandal / selipar DILARANG**)

Pakaian kurang sopan seperti jarang, ketat, mendedahkan dan yang tidak sesuai untuk majlis rasmi adalah tidak dibenarkan. **KEGAGALAN** mematuhi peraturan berpakaian akan menyebabkan tetamu graduan **DIHALANG** daripada memasuki dewan)

**C) PERATURAN AM DI DALAM DEWAN KONVOKESYEN**

1. Graduan dinasihatkan supaya tidak membawa masuk barang-barang persendirian seperti beg, video, kamera, telefon bimbit, alat kelui (pager) atau sebagainya ke dalam dewan.
2. Semasa Majlis Konvokesyen sedang berlangsung, graduan dan ibubapa / tetamu diminta menghormati majlis dengan tidak membuat bising.
3. Semasa Majlis Konvokesyen sedang berlangsung, graduan dan tetamu yang lain adalah **DILARANG** sama sekali **MENGAMBIL GAMBAR / VIDEO**. Graduan hendaklah memaklumkan hal ini kepada ibu bapa / tetamu.
4. Semasa Majlis Konvokesyen sedang berlangsung, graduan dan tetamu hendaklah mematikan telefon bimbit atau menukarkan ke mod senyap.

# JUBAH KONVOKESYEN

## A) SESI PENGAMBILAN DAN PEMULANGAN JUBAH KONVOKESYEN

1. Sila pastikan anda telah memuat naik pengesahan Borang Pengesahan Bergraduat (muat turun daripada SMP) dan Sijil Keputusan MUET (Graduan Ijazah Sarjana Muda sahaja) di link yang telah diberikan. Pihak UCAM akan menyemak semasa anda mengambil jubah konvokesyen.
2. **KEGAGALAN** menyediakan dokumen di atas akan menyebabkan graduan tidak dibenarkan untuk mengambil pakaian konvokesyen.
3. Pengambilan jubah pada hari konvokesyen **TIDAK AKAN DILAYAN**.
4. Graduan dinasihatkan supaya mematuhi jadual pengambilan dan pemulangan pakaian konvokesyen. Berikut adalah butiran mengenai pengambilan dan pemulangan pakaian konvokesyen :

Sesi	Maklumat
<b>Pengambilan Jubah</b>	Tarikh : 13 Ogos 2025 (Rabu) Sesi Pagi : 8.30am-10.00am Sesi Petang : 12.00pm-2.00pm Tempat : Dewan Tuanku Canselor, USIM
<b>Pemulangan Jubah</b>	Tarikh : 14 Ogos 2025 (Khamis) Masa : 4.00pm-6.30pm Tempat : Dewan Tuanku Canselor, USIM

### Nota Penting :

Graduan **DIWAJIBKAN** memulangkan jubah pada tarikh yang telah ditetapkan. **Kegagalan berbuat demikian, skrol dan TRANSKRIP AKAN DITAHAN dan KOMPAUN akan dikenakan.**

## **B) PERATURAN DAN SYARAT PENYEWAAN PAKAIAN KONVOKESYEN**

1. Graduan adalah bertanggungjawab kepada pakaian konvokesyen yang disewa. Sebarang kerosakan pada pakaian konvokesyen adalah tanggungjawab graduan.
2. Graduan **HANYA** dibenarkan mengambil pakaian konvokesyen mengikut hari dan masa yang ditetapkan bagi mengelak sebarang kesulitan pengurusan.
3. Graduan digalakkan mengambil pakaian konvokesyen sendiri untuk menentukan saiz yang sesuai.
4. **Denda RM300** bagi graduan yang **LEWAT** memulangkan semula pakaian konvokesyen.
5. Denda **RM500, skrol dan transkrip ditahan** bagi graduan yang **MENGHILANGKAN atau MEROSAKKAN** jubah konvokesyen.
6. Denda **RM200, skrol dan transkrip ditahan** bagi graduan yang **MENGHILANGKAN atau MEROSAKKAN mortarboard atau hood.**

### **PERHATIAN :**

Pastikan **JUBAH KONVOKESYEN** anda berada di dalam keadaan **KEMAS DAN DIGOSOK**

## **YURAN KONVOKESYEN**

Graduan hendaklah memastikan telah membayar YURAN KONVOKESYEN.

Bayaran untuk **YURAN KONVOKESYEN ATAU TUNGGAKAN** boleh dibuat semasa mengambil jubah atau memasukkan di mana-mana CDM CIMB pada nombor akaun yang diberikan.

## **GAMBAR KONVOKESYEN**

Bayaran gambar sila berurusan dengan pembekal rasmi yang telah dilantik. Kaunter gambar akan dibuka mulai 13 Ogos 2025.

Taklimat khas bersama jurugambar rasmi konvokesyen akan dibuat semasa hari raptai.

## **TUNTUTAN SKROL DAN TRANSKRIP AKADEMIK**

1. Skrol dan Transkrip Akademik boleh diambil selepas selesai semua urusan pemulangan pakaian akademik dengan syarat graduan tidak mempunyai tunggakan yuran dan juga alumni.
2. Bagi graduan yang tidak berkesempatan mengambil Skrol dan Transkrip Akademik atau tidak menghadiri Majlis Konvokesyen, ianya boleh **DITUNTUT DALAM TEMPOH 90 HARI** selepas tarikh Majlis Konvokesyen di Unit Pengambilan dan Rekod Pelajar.
3. Pihak UCAM tidak akan bertanggungjawab jika berlaku kerosakan/kehilangan dan sebagainya ke atas Skrol dan Transkrip Akademik sekiranya tidak dituntut dalam tempoh yang ditetapkan diatas. **SILA PASTIKAN ANDA TIDAK MEMPUNYAI YURAN TERTUNGGAK DAN TELAH MENDAFTAR SEBAGAI ALUMNI UCAM APABILA BERURUSAN MENDAPATKAN SKROL DAN TRANSKRIP AKADEMIK.**

4. Graduan boleh mewakilkan orang lain untuk mengambil Skrol dan Transkrip dengan cara mengemukakan surat perwakilan / kebenaran dan salinan kad pengenalan graduan serta mencatatkan nama dan nombor kad pengenalan orang yang diwakilkan dalam surat perwakilan / kebenaran serta resit bayaran graduan.
5. Para graduan sama ada menghadiri Majlis Konvokesyen atau tidak, dan belum menjelaskan yuran graduan sepetimana yang ditetapkan atau masih belum menjelaskan apa-apa hutang dengan UCAM, Skrol dan Transkrip tidak akan dikeluarkan sehingga yuran / hutang tersebut dijelaskan.

**BAGI GRADUAN YANG TIDAK MENGHADIRI KONVOKESYEN, SKROL DAN TRANSKRIP TIDAK AKAN DIPOSKAN.**

**GRADUAN ATAU WAKIL DIKEHENDAKI HADIR SENDIRI KE UCAM UNTUK MENGAMBIL SKROL.**

# Syabas & Tahniah

**SELURUH GRADUAN KOLEJ UNIVERSITI AGROSAINS  
MALAYSIA (UCAM)**



**Sebarang pertanyaan mengenai Majlis Konvokesyen UCAM Ke 21**

Alamat Surat Menyurat :

Unit Pengambilan & Rekod Pelajar (UPRP)  
Jabatan Pendaftar  
Kolej Universiti Agrosains Malaysia  
Lot 2020, Ayer Pa'abas  
78000 Alor Gajah, Melaka

Pertanyaan Lanjut:

Tel : 06-5529 227/642  
HP : 6012-230 8090  
Faks : 06-5529 963  
Emel : [konvo@ucam.edu.my](mailto:konvo@ucam.edu.my)